

14 SEP 2001

BUKU TAKZIAH DI KEDUTAAN AMERIKA DIBUKA SEHINGGA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Buku takziah untuk merakamkan simpati terhadap mangsa serangan pengganas di Amerika Syarikat pada Selasa, akan terus dibuka kepada orang ramai di lobi kedutaan Amerika di sini dari Isnin hingga Rabu minggu depan.

Ia dibuka dari pukul 9.30 pagi hingga 3.30 petang pada hari berkenaan, menurut satu kenyataan pejabat akhbar kedutaan itu di sini hari ini.

Antara pemimpin Malaysia yang menandatangani buku takziah itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu.

Beribu-ribu dikhuatiri mati dalam serangan itu apabila dua pesawat komersil yang dirampas, merempuh menara dan meranapkan Pusat Dagangan Dunia di New York, sebuah lagi melanggar jabatan pertahanan Amerika, Pentagon di Washington manakala satu lagi pesawat yang dirampas terhempas di Pennyslvania.

-- BERNAMA

HK HK RON